
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HGM 235 - GEOGRAFI PENDUDUK DAN SUMBER MANUSIA

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab sekurang-kurang SATU soalan bagi setiap Bahagian A dan B. Setiap soalan memberikan 25 markah.

Bahagian A

1. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai bincangkan aplikasi Teori Peralihan Demografi ke atas pertumbuhan penduduk di negara membangun.
2. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan kesuburan di kalangan etnik dan penduduk yang mempunyai tempat tinggal dan taraf sosio-ekonomi yang berbeza seperti di Malaysia.
3. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan kadar kematian bayi yang tinggi di negara membangun seperti di Asia Tenggara dan Afrika. Nyatakan langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah tersebut.
4. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai jelaskan masalah yang akan timbul akibat pertambahan penduduk tua dalam sesebuah negara danuraikan langkah terbaik bagi menangani masalah tersebut.
5. Sejauhmana anda bersetuju faktor taraf sosio-ekonomi penduduk yang rendah di negara asal merupakan sebab terpenting berlakunya penghijrahan antarabangsa di kalangan penduduk di negara Asia sejak awal tahun 1990an hingga sekarang.
6. Menurut Hazel R. Barrett (1994), "Population geography is the study of spatial variations in the distribution, composition, migration and growth of population". Menggunakan contoh aplikasi sistem maklumat geografi (GIS) dalam kajian geografi penduduk, bincangkan pernyataan ini.

Bahagian B

7. Bincangkan sejauhmana telah berlaku perubahan dalam strategi pembangunan sumber manusia dan kepentingan pembangunan kemahiran di Malaysia.

SAMA ADA

8. [a] Sektor perindustrian pembuatan telah mengalami masalah kekurangan sumber buruh yang kritikal pada awal tahun 1990an. Jelaskan apakah perubahan yang berlaku dalam pasaran buruh tempatan sehingga timbulnya masalah tersebut yang telah menghakis kelebihan daya saing lokasi industri di negara ini.

ATAU

- [b] Masalah sumber buruh yang berlaku dalam sektor perindustrian pada awal tahun 1990an telah menyebabkan kerajaan mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Bincangkan langkah yang telah diambil dan keberkesanannya dalam mengatasi masalah yang timbul.